



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN
KETETAPAN UMUM NO. 6/2022**

TARIKH PENERBITAN: 22 DISEMBER 2022



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN

Ketetapan Umum No. 6/2022

Tarikh Penerbitan: 22 Disember 2022

Diterbitkan Oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Ketiga

Edisi Kedua pada 8 Oktober 2018

Edisi Pertama pada 15 April 2013

© 2022 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	2
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
5. Pengenalan	3
6. Perbelanjaan yang Layak	3
7. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan	3
8. Langkah Menuntut Elaun Modal Dipercepatkan	26
9. Tempoh Layak	28
10. Pelupusan Loji dan Jentera dalam Tempoh Dua Tahun	30
11. Ketidapkapaian	32
12. Prosedur Tuntutan	33
13. Ringkasan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan dan Kadar Elaun	33
14. Kemas kini dan Pindaan	35
15. Penolakan Tuntutan	36

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan layanan cukai bagi loji dan jentera yang layak untuk tuntutan Elaun Modal Dipercepatkan (EMD) atau kadar yang ditetapkan dalam menentukan pendapatan berkanun daripada perniagaan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 154(1)(b), Jadual 3, Jadual 7A dan Jadual 7B.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah:
 - (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) 1997 [P.U. (A) 265/1997];
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Permulaan Loji Yang Layak) 1998 [P.U. (A) 294/1998];
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Kelengkapan Kawalan) 1998 [P.U. (A) 295/1998];
 - (d) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kitaran Semula Sisa Buangan) 2000 [P.U. (A) 505/2000];
 - (e) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Pelaburan Semula dalam Projek yang Layak) 2000 [P.U. (A) 506/2000];
 - (f) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Peralatan Kualiti Kuasa) 2005 [P.U. (A) 87/2005];
 - (g) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006 [P.U. (A) 249/2006];
 - (h) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017];
 - (i) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017 [P.U. (A) 253/2017];
 - (j) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2018 [P.U. (A) 156/2018];
 - (k) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017 (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 172/2020];

- (l) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 173/2020];
- (m) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Jentera dan Peralatan termasuk Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2021 [P.U. (A) 268/2021];
- (n) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) 2021 [P.U. (A) 291/2021]; dan
- (o) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) (Pindaan) 2022 [P.U. (A) 9/2022].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aset” bermaksud loji dan jentera yang digunakan untuk tujuan perniagaan yang mana perbelanjaan yang layak telah dilakukan.
- 3.2 “Lupus” bermaksud aset dijual, dibuang atau dimusnahkan atau ia berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 3.3 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Perbelanjaan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.
- 3.5 “Pertanian” bermaksud apa-apa bentuk penanaman tanaman, penternakan haiwan, akuakultur, perikanan air tawar dan apa-apa usaha pertanian atau penternakan yang lain termasuk penghutanan semula balak.

4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

- 4.1 EMD adalah elaun yang dibenarkan secara khusus kepada seseorang yang melakukan perbelanjaan yang layak (PYL) ke atas aset yang digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 4.2 Kadar EMD yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) adalah menurut kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b), dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP.
- 4.3 Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang untuk layak menuntut elaun permulaan (EP) dan elaun tahunan (ET) adalah sama dengan syarat-syarat tuntutan elaun modal pada kadar biasa (elaun modal biasa) di bawah Jadual 3 ACP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No.

5/2014 yang bertajuk “Pemilikan Dan Penggunaan Aset Bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal”.

5. Pengenalan

Kadar EMD merupakan satu kenaikan kadar sama ada untuk elaun permulaan (EP) atau elaun tahunan (ET). Ia membenarkan suatu elaun modal pada kadar yang lebih tinggi daripada elaun modal biasa dalam suatu tahun taksiran dan oleh itu jumlah elaun modal boleh dituntut sepenuhnya dalam tempoh yang singkat. Seseorang boleh memilih sama ada untuk menuntut EMD bagi loji dan jentera seperti diperuntukkan di bawah KKCP atau elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP. Pilihan yang dibuat hendaklah konsisten sehingga elaun modal diserap sepenuhnya. Pilihan pada kadar yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam KKCP. Pilihan untuk menuntut elaun modal biasa tertakluk sama ada sesuatu aset itu adalah loji dan jentera yang layak bagi tujuan tuntutan elaun modal di bawah Jadual 3 ACP.

6. Perbelanjaan yang Layak

- 6.1 Tafsiran untuk PYL bagi setiap KKCP berbeza mengikut jenis loji atau jentera yang layak diberikan EMD. Walau bagaimanapun, tafsiran untuk PYL secara umumnya terpakai kepada semua KKCP iaitu perbelanjaan modal yang dilakukan di bawah perenggan 2, Jadual 3 ACP. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 6/2015 bertajuk “Perbelanjaan Yang Layak Dan Pengiraan Elaun Modal”.
- 6.2 Bagi pembelian loji dan jentera secara sewa beli, PYL bagi tujuan EMD adalah berdasarkan bahagian ansuran modal yang telah dibayar bagi suatu tahun taksiran. Sila rujuk kepada perenggan 10, “Aset Sewa-Beli” dalam KU No. 5/2014 bertajuk “Pemilikan Dan Penggunaan Aset Bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal”.
- 6.3 PYL untuk ansuran modal ini hendaklah dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam KKCP. Jika perjanjian sewa beli tidak mengikut tempoh PYL, atau hanya sebahagian sahaja mengikut tempoh PYL, maka, loji atau jentera tidak layak diberikan EMD dalam KKCP.

7. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan

Perenggan 154(1)(b) dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan kadar EMD bagi loji dan jentera melalui KKCP. KKCP untuk loji dan jentera yang masih berkuat kuasa adalah seperti berikut:

7.1 Bas menggunakan gas asli dan peralatan pengisian semula gas asli – KKCP (Elaun Loji yang Layak) 1997 [P.U. (A) 265/1997]

7.1.1 Berkuat kuasa mulai 1 Januari 1997, EMD diberikan ke atas perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan oleh –

- (a) syarikat pengangkutan awam yang menyediakan bas yang menggunakan gas asli bagi tujuan perniagaan pengangkutan awam;
- (b) seseorang yang menyediakan peralatan pengisian semula gas asli yang digunakan di “saluran keluar pengisian semula gas asli”.

7.1.2 “Saluran keluar pengisian semula gas asli” termasuk saluran keluar pengisian untuk gas asli yang disediakan untuk kegunaan orang awam atau untuk persendirian. Saluran keluar pengisian semula gas asli persendirian bermaksud gas asli tidak disediakan kepada orang awam tetapi disediakan hanya untuk jenis kenderaan tertentu yang ditempatkan di depot atau premis kilang.

7.1.3 EMD diberikan pada kadar 40% untuk EP dan 20% untuk ET.

Contoh 1

Super Ekspres Sdn Bhd (SESB) menjalankan perniagaan perkhidmatan Bas Ekspres Ekonomi. SESB telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga pemegang lesen kenderaan perkhidmatan awam yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pada 2.1.2022 SESB telah membeli sebuah bas baharu yang menggunakan gas asli bagi tujuan perniagaan pengangkutan awamnya.

SESB layak menuntut EMD iaitu ‘Elaun Loji yang Layak’ bagi perbelanjaan modal terhadap bas baharu tersebut.

7.2 Jentera atau loji digunakan dalam industri tertentu – KKCP (Elaun Permulaan Loji yang Layak) 1998 [P.U. (A) 294/1998]

7.2.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1998, **EMD dalam bentuk EP** diberikan ke atas PYL untuk jentera atau loji yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan perniagaannya yang dijalankan di Malaysia, yang terdiri daripada -

- (a) Bangunan dan pembinaan -
Pembinaan sebarang kerja, jalan, struktur dan bangunan.

(b) Pembalakan –

Pengeluaran kayu balak dari hutan.

(c) Perlombongan timah –

Kerja perlombongan untuk memperolehi bijih timah atau mengeluarkan atau membersihkan konsentrat timah.

7.2.2 Jentera atau loji dalam KKCP ini tidak termasuk jentera berat yang diimport. Kadar EP dan ET bagi jentera berat yang diimport adalah lebih rendah daripada elaun biasa. Sila rujuk kepada KKCP (Elaun Loji Yang Layak) (No.2) 1997 [P.U. (A) 474/1997] berkaitan jentera berat yang diimport yang digunakan dalam industri tertentu.

7.2.3 Seseorang yang menjalankan perniagaannya di Malaysia dan melakukan PYL untuk loji atau jentera bagi tujuan industri seperti yang disenaraikan dalam perenggan 7.2.1 dalam KU ini, layak menuntut EMD pada kadar berikut –

Industri	EP (%)	ET (%)	
		Jentera	loji
Bangunan dan pembinaan	30	20	14
Pembalakan	60	20	14
Perlombongan timah	60	20	14

Contoh 2

Kinta A Sdn Bhd (KASB) menjalankan industri perlombongan timah di kawasan Lembah Kinta Perak. Pada 5.2.2022, KASB membeli sebuah loji penyimpanan bijih timah untuk pencucian timah yang dilakukan dengan menggunakan tekanan air.

KASB menjalankan salah satu aktiviti kerja perlombongan timah, iaitu membersihkan konsentrat bijih timah yang layak untuk EMD. Walau bagaimanapun, KASB tidak mahu kadar EMD digunakan dan telah memilih elaun modal biasa iaitu pada kadar EP bersamaan 20% dan ET bersamaan 14% bagi tahun taksiran 2022.

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali KASB telah memilih untuk menuntut EMD ke atas loji tersebut pada kadar 60% untuk EP dan 14% untuk ET. Kadar EMD untuk industri perlombongan timah boleh di rujuk pada Jadual di perenggan 7.2.3 dalam KU ini.

7.3 Kelengkapan Kawalan – KKCP (Elaun Loji yang Layak) (Kelengkapan Kawalan) 1998 [P.U. (A) 295/1998]

- 7.3.1 Kelengkapan kawalan termasuk peralatan dan kelengkapan yang digunakan untuk memungut buangan, mengehadkan pencemaran alam sekitar, menunjuk atau merekod serta memberi amaran mengenai pencemaran yang berlebihan dan membolehkan kelengkapan itu dikendalikan dengan lebih cekap.
- 7.3.2 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1996, EMD diberikan terhadap PYL yang dilakukan untuk kelengkapan kawalan seperti berikut –

(a) Peralatan Loji Perawatan Efluen Perindustrian dan Kumbahan

- (i) Tangki Campuran
- (ii) Tangki Pemendapan
- (iii) Turas Tekan
- (iv) Tangki Peneutralan
- (v) Emparan Pengiring Laju Boleh Ubah
- (vi) Alat Pengudaraan/Peralatan Pengudaraan
- (vii) Pam Boleh Tenggelam Kawalan Aras Automatik
- (viii) Meter Alir Ultrabunyi
- (ix) Pam Terkawal – pH Automatik
- (x) Gelendong Bagi Storan Enap Cemar
- (xi) Sistem Penyaliran Efluen
- (xii) Tangki Menjernih/Tangki Pemendakan
- (xiii) Tangki Penahan Enap Cemar
- (xiv) Bahan Kimia Rawatan
- (xv) Kelengkapan Kitar Semula Air Buangan
- (xvi) Penapis Karbon

(b) Kelengkapan Kawalan Pencemaran Udara

- (i) Pemendak Elektrostatik
- (ii) Siklon
- (iii) Turas Beg
- (iv) Pemendak Basah
- (v) Alat Perakam Ketumpatan Asap Hitam
- (vi) Alat Penggera Asap Hitam
- (vii) Alat Sampelan Cerobong Gas
- (viii) Penyembur Air
- (ix) Penunu
- (x) Penapis Karbon
- (xi) Bahan Penyerapan Gas
- (xii) Bahan Penyendat Untuk Pemendak Basah

7.3.3 EMD diberikan pada kadar 40% untuk EP dan 20% untuk ET.

**7.4 Kitaran Semula Sisa Buangan – KKCP (Elaun Modal Dipercepat)
(Kitaran Semula Sisa Buangan) 2000 [P.U. (A) 505/2000]**

7.4.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001, EMD diberikan kepada syarikat pengilangan yang telah melakukan PYL bagi maksud perniagaannya ke atas loji dan jentera yang digunakan –

- (a) secara eksklusif atau sebaliknya bagi kitaran semula sisa buangan; atau
- (b) bagi pemprosesan lanjut sisa buangan kepada keluaran siap.

7.4.2 Syarikat pengilangan layak menuntut EMD sebanyak 40% bagi EP dan 20% bagi ET.

7.4.3 Syarikat pengilangan tidak layak menuntut EMD di bawah KKCP ini jika bagi tempoh semasa, syarikat itu -

- (a) telah diberikan apa-apa galakan (kecuali potongan bagi penggalakan eksport) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP); atau
- (b) telah diberikan elaun pelaburan semula (EPS) di bawah Jadual 7A ACP.

- 7.4.4 Jika seseorang memilih untuk tidak menuntut EPS walaupun layak berbuat demikian, orang itu layak untuk menuntut EMD.

Contoh 4

Smart Sdn Bhd (SSB) merupakan syarikat pengilangan kitaran semula sisa buangan. Pada 15.5.2022, SSB telah membeli rangkaian loji dan jentera bagi memproses jerami padi untuk dijadikan pinggan mangkuk. SSB menutup akaunnya pada 31 Mei setiap tahun.

SSB telah melakukan PYL ke atas loji dan jentera yang digunakan bagi memproses sisa buangan (jerami padi) kepada keluaran siap (pinggan mangkuk). Oleh itu, SSB layak menuntut EMD bagi tahun taksiran 2022.

7.5 **Pelaburan Semula Dalam Projek Yang Layak – KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Pelaburan Semula dalam Projek yang Layak) 2000 [P.U. (A) 506/2000]**

- 7.5.1 KKCP ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001 dan terpakai berkenaan dengan PYL yang dilakukan ke atas penyediaan loji atau jentera untuk tujuan projek yang layak dan digunakan untuk perniagaan berkenaan dengan -
- (a) sesuatu aktiviti digalakkan; atau
 - (b) sesuatu keluaran digalakkan; atau
 - (c) sesuatu projek pertanian.
- 7.5.2 Aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bererti apa-apa aktiviti atau keluaran yang digalakkan di bawah seksyen 4 APP.
- 7.5.3 Projek pertanian mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan 8(c) berkenaan dengan aktiviti yang disenaraikan di bawah perenggan 9(aa) hingga (ff) Jadual 7A ACP.
- 7.5.4 Projek yang layak mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan 8(a) Jadual 7A ACP.
- 7.5.5 EMD diberikan pada kadar 40% untuk EP dan 20% untuk ET.
- 7.5.6 KKCP ini tidak terpakai jika bagi tempoh semasa, syarikat itu -
- (a) telah diberikan elaun pelaburan semula (EPS) di bawah Jadual 7A ACP; atau

- (b) telah diberikan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan di bawah APP berkenaan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama; dan
- (c) gagal mengemukakan salinan surat daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia yang mengesahkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang dijalankan bagi suatu projek yang layak untuk suatu tahun taksiran.

Jika seseorang memilih untuk tidak menuntut EPS walaupun layak berbuat demikian, maka seseorang itu layak untuk menuntut EMD.

Contoh 5

Zea Mays Sdn Bhd (ZMSB) mengusahakan suatu projek pertanian yang layak bagi memperluaskan aktiviti perniagaan penanaman jagung di kawasan Tanah Rata, Cameron Highlands. Pada 3.3.2022, ZMSB telah melakukan PYL berjumlah RM500,000 untuk membeli dua buah jentera pertanian penanaman jagung.

Projek pertanian tersebut merupakan projek yang layak sebagaimana ditakrifkan di bawah perenggan 8(c) Jadual 7A, ACP. ZMSB tidak memilih untuk menuntut EPS walaupun syarikat layak berbuat demikian.

Oleh kerana ZMSB tidak menuntut EPS ke atas PYL, maka ZMSB layak untuk menuntut EMD bagi tahun taksiran 2022.

7.6 Peralatan Kualiti Kuasa – KKCP (Elaun Modal Dipercepatkan) (Peralatan Kualiti Kuasa) 2005 [P.U. (A) 87/2005]

- 7.6.1 KKCP ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005 dan terpakai terhadap PYL yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran untuk –
 - (a) penyediaan peralatan seperti yang disahkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia; dan
 - (b) digunakan oleh syarikat untuk perniagaanya sendiri secara eksklusif bagi mengawal kualiti kuasa elektrik.
- 7.6.2 EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 40% untuk ET.
- 7.6.3 KKCP ini tidak terpakai jika bagi tempoh semasa, syarikat itu –
 - (a) telah diberikan apa-apa galakan kecuali potongan bagi penggalakan eksport di bawah APP; atau

(b) telah menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP.

7.6.4 Jika seseorang memilih untuk tidak menuntut EPS walaupun layak berbuat demikian, orang itu layak untuk menuntut EMD.

Contoh 6

Pada 1.3.2022 Dairy Global Sdn Bhd (akaun berakhir 31 Mac) telah membeli sebuah jentera yang diperakui oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia sebagai sebuah peralatan untuk mengawal kualiti kuasa elektrik dalam perniagaannya. Syarikat telah menuntut elaun modal ke atas jentera tersebut bagi tahun taksiran 2022 seperti yang diperuntukkan di bawah KKCP.

Syarikat tidak layak diberikan apa-apa galakan tetapi layak menuntut EPS. Walau bagaimanapun, syarikat memilih untuk tidak menuntut EPS. Oleh itu, syarikat layak menuntut EMD bagi tahun taksiran 2022.

7.7 **Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri – KKCP (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006 [P.U. (A) 249/2006]**

7.7.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006, EMD diberikan ke atas PYL yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran terhadap pembelian **acuan** yang digunakan untuk pengeluaran komponen sistem binaan berindustri [(Industrialised Building System (**IBS**)) bagi maksud perniagaan –

(a) Sebuah syarikat perkilangan; atau

(b) Sebuah syarikat pembinaan.

7.7.2 IBS juga dikenali sebagai pembinaan bangunan pasang siap. **IBS** bermaksud satu sistem pembinaan yang mana komponennya dihasilkan di dalam keadaan terkawal seperti di kilang atau di tapak binaan, diangkut, dan dipasang menjadi suatu struktur dengan menggunakan pekerja yang minimum di tapak binaan. Oleh itu, sistem ini dapat menjimatkan kos dan masa pembinaan.

7.7.3 **Acuan** ini bermaksud acuan konkrit pratuang atau acuan konkrit siap tuang yang dituang dahulu di tapak bina atau yang dibuat di kilang. Contoh bagi komponen konkrit pratuang seperti acuan untuk tiang, rasuk, papak lantai dan panel dinding yang boleh digunakan berulang kali. Acuan ini juga merupakan komponen

asas IBS yang digunakan untuk mengeluarkan komponen IBS. Acuan ini biasanya diperbuat daripada plastik, gentian kaca, keluli, aluminium dan bahan logam lain.

7.7.4 EMD diberikan pada kadar 40% untuk EP dan 20% untuk ET.

Contoh 7

Bina Kukuh Sdn Bhd (BKSB) merupakan syarikat pembinaan bangunan untuk rumah teres. Pada 15.1.2020, SSB telah membeli acuan yang diperbuat daripada keluli untuk panel dinding dengan harga RM80,000. Acuan-acuan ini digunakan oleh BKSB bagi tujuan mengeluarkan komponen IBS iaitu sistem rangka keluli (*steel framing system*) dan sistem acuan (*formwork system*). BKSB menutup akaunnya pada 31 Mac setiap tahun.

BKSB telah melakukan PYL bagi acuan yang digunakan untuk mengeluarkan komponen IBS bagi maksud perniagaannya. Oleh itu, BKSB layak menuntut EMD dengan pengiraan EMD seperti berikut

	RM	RM
Tahun taksiran 2020		
Perbelanjaan Modal yang Layak		80,000
Elaun permulaan (40% x RM80,000)	32,000	
Elaun tahunan (20% x RM80,000)	16,000	<u>48,000</u>
Perbelanjaan bakian		32,000
Tahun taksiran 2021		
Elaun tahunan (20%)		<u>16,000</u>
Perbelanjaan bakian		16,000
Tahun taksiran 2022		
Elaun tahunan (20%)		<u>16,000</u>
Perbelanjaan bakian		<u>Tiada</u>

7.8 **Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi - KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2018 [P.U. (A) 156/2018]**

- 7.8.1 KKCP ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017 dan terpakai terhadap PYL yang dilakukan oleh seseorang pemastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran untuk –
- (a) pembelian apa-apa “kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi”; termasuk
 - (b) pemasangan “kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi” tersebut.
- 7.8.2 “Kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi” yang layak dituntut EMD oleh pemastautin di Malaysia bagi maksud perniagaannya adalah seperti berikut:
- (a) Sistem kawalan laluan masuk
 - (b) Sistem perbankan
 - (c) Kelengkapan kod bar
 - (d) Peletus/pengumpul aing
 - (e) Kabel dan penyambung
 - (f) Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD)
 - (g) Pembuatan Bantuan Komputer (CAM)
 - (h) Kejuruteraan Bantuan Komputer (CAE)
 - (i) Pembaca kad
 - (j) Komputer dan komponen
 - (k) Unit Pemprosesan Pusat (CPU)
 - (l) Storan
 - (m) Skrin
 - (n) Pencetak
 - (o) Pengimbas/pembaca
 - (p) Aksesori
 - (q) Komunikasi dan rangkaian

(r) Sistem perisian atau pakej perisian

7.8.3 EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 20% untuk ET.

7.8.4 Seseorang pemastautin itu tidak layak menuntut EMD di bawah KKCP ini jika bagi tempoh semasa, pemastautin itu telah menuntut kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi dengan galakan cukai seperti berikut:

- a) Elaun cukai pelaburan di bawah APP;
- b) EPS di bawah Jadual 7A ACP;
- c) Elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP;
- d) EMD di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP; atau
- e) Pengecualian cukai di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP.

7.9 Kelengkapan Automasi

- **KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 173/2020] dan KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017].**
- **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017 (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 172/2020] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2017 [P.U. (A) 253/2017].**

Insentif cukai untuk kelengkapan automasi telah diperkenalkan dalam Bajet 2015 bagi tahun taksiran (TT) 2015 hingga 2017 untuk Kategori Pertama (Industri Pengilangan Getah, Plastik, Kayu, Perabot dan Tekstil) dan bagi TT 2015 hingga 2020 untuk Kategori Kedua (Industri selain Kategori Pertama). Insentif cukai bagi Kategori Pertama telah dilanjutkan dalam Bajet 2018 dari TT 2018 hingga TT2020. Menerusi Bajet 2020, insentif cukai ini sekali lagi dilanjutkan untuk Kategori Pertama dan Kedua dari TT2021 hingga TT 2023. Insentif cukai tersebut boleh dituntut dalam bentuk EMD dan 'pendapatan berkanun yang dikecualikan'. Bagi tujuan KU ini 'pendapatan berkanun yang dikecualikan' akan disebut sebagai **Elaun Kelengkapan Automasi (EKA)**.

EMD yang boleh dituntut adalah bersamaan dengan 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak (PML) terhadap pembelian kelengkapan automasi. Manakala, **EKA** adalah bersamaan dengan jumlah EMD yang ditentukan berdasarkan 100% daripada PML peralatan automasi tetapi

tidak melebihi 70% daripada pendapatan berkanun projek yang layak itu.

Kedua-dua insentif cukai tersebut diberikan melalui P.U. (A) 252/2017 dan P.U. (A) 253/2017 masing-masing.

- 7.9.1 **P.U. (A) 252/2017** disebut sebagai **“Kaedah-Kaedah ibu”** dalam P.U. (A) 173/2020 manakala **P.U. (A) 253/2017** disebut sebagai **“Perintah ibu”** dalam P.U. (A) 172/2020.
- 7.9.2 **“Kaedah-Kaedah ibu” [P.U. (A) 252/2017]** dan **“Perintah ibu” [P.U. (A) 253/2017]** ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai TT 2018 dan terpakai kepada syarikat yang layak yang melakukan PML terhadap pembelian kelengkapan automasi.
- 7.9.3 PML bererti suatu perbelanjaan modal yang berhubungan dengan kelengkapan automasi yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi tujuan menjalankan suatu projek yang layak.
- 7.9.4 Projek yang layak bermaksud suatu projek yang diusahakan oleh suatu syarikat yang layak untuk memodenkan atau mengautomasikan aktiviti produk pengilangannya yang sedia ada.
- 7.9.5 Kelengkapan automasi merujuk kepada loji atau jentera yang digunakan secara langsung dalam projek yang layak yang mengguna pakai **“teknologi yang lebih maju”** daripada teknologi semasa yang digunakan oleh syarikat yang layak. Kelengkapan automasi ini hendaklah diperakui oleh Ketua Pengarah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.
- 7.9.6 **“Teknologi yang lebih maju”** bermaksud teknologi yang boleh meningkatkan jumlah pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.
- 7.9.7 Syarikat yang layak yang telah memenuhi semua syarat seperti yang dinyatakan di perenggan 7.9.8 dalam KU ini, boleh diberikan EMD menurut perenggan 154(1)(b) ACP melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- 7.9.8 P.U. (A) 252/2017 dan P.U. (A) 253/2017 terpakai kepada suatu syarikat yang layak jika memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan bermastautin di Malaysia;
 - (b) melibatkan diri dalam aktiviti pengilangan selaras dengan Akta Penyelarasan Industri 1975 [Akta 156] ;

- (c) memegang suatu lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;
- (d) telah beroperasi bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh enam (36) bulan;
- (e) telah melakukan PML berkaitan dua (2) kategori industri pengilangan seperti dalam Jadual berikut:

	<u>Kategori Pertama</u> Industri Pengilangan Getah, Plastik, Kayu, Perabot dan Tekstil.	<u>Kategori Kedua</u> Industri selain daripada Kategori Pertama (ditentukan oleh Menteri)
EMD P.U. (A) 252/2017	EP - 20% ET - 80%	
EKA P.U. (A) 253/2017	Bersamaan dengan 100% amaun EMD yang layak, terhad kepada 70% pendapatan berkanun.	
Amaun PML	100% daripada RM4 juta ringgit yang pertama	100% daripada RM2 juta ringgit yang pertama.
PML dilakukan dalam tempoh asas bagi:	Tahun taksiran 2015 - tahun taksiran 2023	
Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam tempoh:	1.1.2015 – 31.12.2023	

7.9.9 Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan, sila rujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh MIDA bertajuk Garis Panduan

dan Prosedur Permohonan Elaun Modal Automasi yang boleh didapati di <https://www.mida.gov.my/forms-and-guidelines/>.

7.9.10 Pembelian Kelengkapan Automasi melalui suatu perjanjian sewa beli di bawah P.U. (A) 252/2017

Jika suatu syarikat yang layak melakukan PML di bawah suatu perjanjian sewa beli bagi pembelian sebarang kelengkapan automasi bagi maksud perniagaannya, maka:

- (i) Syarikat yang layak itu dianggap sebagai tuan punya kelengkapan automasi itu; dan
- (ii) PML untuk EMD adalah berdasarkan bayaran ansuran modal dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

Untuk maklumat lanjut mengenai pembelian loji dan jentera secara sewa beli, sila rujuk kepada perenggan 6 dalam KU ini.

7.9.11 P.U. (A) 252/2017 ini tidak terpakai kepada suatu syarikat yang layak jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, syarikat itu telah :

- (a) diberikan apa-apa galakan di bawah APP [Akta 327];
- (b) menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP;
- (c) diberikan apa-apa pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP **kecuali** P.U. (A) 253/2017; atau
- (d) menuntut suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP **kecuali**:
 - (i) Kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 ACP;
 - (ii) KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U. (A) 129/2006];
 - (iii) KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 471/2021]; atau
 - (iv) KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2018 [P.U. (A) 156/2018].

7.9.12 P.U. (A) 253/2017 juga tidak terpakai kepada suatu syarikat yang layak jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, syarikat itu telah :

- (a) diberikan apa-apa galakan di bawah APP [Akta 327];
- (b) menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP;
- (c) diberikan apa-apa pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP; atau
- (d) menuntut suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP kecuali:
 - (i) Kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 ACP;
 - (ii) KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [P.U. (A) 129/2006];
 - (iii) KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U. (A) 471/2021];
 - (v) KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2018 [P.U. (A) 156/2018]; atau
 - (vi) KKCP ((Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017].

7.9.13 Untuk penerangan lanjut, berhubung dengan perenggan 127(3)(b) atau 127(3A) ACP, sila rujuk kepada Nota Amalan No. 2/2018 dalam Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

7.9.14 Tuntutan EMD bagi memperoleh pendapatan berkanun dan tuntutan EKA yang terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun, yang mana setiap tuntutan dikira berdasarkan 100% PML daripada kelengkapan automasi hendaklah dikira seperti dalam contoh 8 dan 9.

Contoh 8

Pendapatan larasan dan elaun modal daripada projek yang layak bagi Automotive Performance Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31.12.2022 adalah seperti berikut:

Butiran	RM
Pendapatan larasan	10,000,000
Elaun modal (peralatan pejabat dan kenderaan komersil)	400,000
PML terhadap kelengkapan automasi	3,000,000

Oleh sebab pendapatan berkanun yang mencukupi, pengecualian 100% boleh diberikan sepenuhnya.

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan		10,000,000
Tolak: Elaun modal biasa [Jadual 3, ACP] EMD (100%) ke atas kelengkapan automasi [P.U. (A) 252/2017]	400,000 3,000,000	3,400,000
Pendapatan berkanun		6,600,000
Tolak: Pengecualian pendapatan berkanun		
Pengecualian pendapatan berkanun bersamaan dengan EMD (100% x 3,000,000) [P.U. (A) 253/2017]	3,000,000	3,000,000
Pengecualian tidak melebihi (70% x 6,600,000 = 4,620,000) tetapi terhad kepada 3,000,000 [P.U. (A) 253/2017]	3,000,000	
Pengecualian pendapatan berkanun hantar hadapan (h/h)	Tiada	
Pendapatan berkanun / Jumlah pendapatan daripada projek yang layak		3,600,000

Contoh 9

Fakta adalah sama seperti di Contoh 8 kecuali pendapatan larasan berjumlah RM7,000,000.

Disebabkan oleh ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian 100% tidak boleh diberikan sepenuhnya.

Butiran	RM	RM
Pendapatan larasan		7,000,000
Tolak: Elaun modal biasa [Jadual 3, ACP] EMD (100%) ke atas kelengkapan automasi [P.U. (A) 252/2017]	400,000 3,000,000	3,400,000
Pendapatan berkanun		3,600,000
Tolak: Pengecualian pendapatan berkanun		
Pengecualian pendapatan berkanun bersamaan dengan EMD (100% x 3,000,000) [P.U. (A) 253/2017]	3,000,000	2,520,000
Pengecualian tidak melebihi 70% pendapatan berkanun (70% x 3,600,000 = 2,520,000) P.U. (A) 253/2017]	2,520,000	
Pengecualian pendapatan berkanun hantar hadapan (h/h)	480,000	
Pendapatan berkanun / Jumlah pendapatan daripada projek yang layak		1,080,000

7.10 Jentera dan Peralatan termasuk Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi – KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Jentera dan Peralatan termasuk Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2021 [P.U. (A) 268/2021]

7.10.1 KKCP ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 dan terpakai terhadap PYL yang dilakukan oleh seseorang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021 untuk –

- (a) penyediaan 'jentera dan peralatan' termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi kecuali kenderaan bermotor; dan
- (b) digunakan untuk tujuan perniagaannya.

7.10.2 Bagi tujuan KKCP ini, maksud 'jentera dan peralatan' ini adalah seperti berikut:

- (a) Jentera yang boleh dikategorikan sebagai mesin dan ini termasuk jentera berat; dan
- (b) Peralatan termasuk:
 - (i) kelengkapan pejabat seperti telefon, kalkulator, mesin faks, mesin penyalin, mesin pengimbas; dan
 - (ii) kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi. Sila rujuk perenggan 7.10.4.

7.10.3 Kategori aset yang tidak layak untuk tuntutan EMD di bawah KKCP ini adalah seperti berikut:

- (a) Kenderaan bermotor;
- (b) Perisian komputer yang dibuat khas; dan
- (c) Sistem perisian dan pakej perisian.

7.10.4 "Kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi" yang layak dituntut EMD oleh seseorang bagi maksud perniagaannya adalah seperti berikut:

- (a) Sistem kawalan laluan masuk
- (b) Sistem perbankan
- (c) Kelengkapan kod bar
- (d) Peletus/pengumpul aing
- (e) Kabel dan penyambung
- (f) Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD)
- (g) Pembuatan Bantuan Komputer (CAM)

- (h) Kejuruteraan Bantuan Komputer (CAE)
- (i) Pembaca kad
- (j) Komputer dan komponen
- (k) Unit Pemprosesan Pusat (CPU)
- (l) Storan
- (m) Skrin
- (n) Pencetak
- (o) Pengimbas/pembaca
- (p) Aksesori
- (q) Komunikasi dan rangkaian

7.10.5 Jika seseorang itu layak melakukan PML di bawah suatu perjanjian sewa beli bagi pembelian suatu jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi maksud perniagaannya, maka:

- (i) Orang itu dianggap sebagai tuan punya jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu; dan
- (ii) PML untuk EMD adalah berdasarkan bayaran ansuran modal dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.

Untuk maklumat lanjut mengenai pembelian loji dan jentera secara sewa beli, sila rujuk kepada perenggan 6 dalam KU ini

7.10.6 EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 40% untuk ET.

7.10.7 Seseorang itu tidak layak menuntut EMD di bawah KKCP ini jika bagi tempoh semasa, orang itu:

- (a) telah menuntut suatu potongan di bawah KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Automasi) 2017 [P.U. (A) 252/2017]; dan

- (b) telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2017 [P.U.(A) 253/2017].

Contoh 10

Abraham Textile(M) Sdn Bhd (ATSB) telah menjalankan industri tekstil selama 5 tahun. Pada tahun 2021 dan 2022, ATSB membeli beberapa aset bagi tujuan perniagaannya. ATSB menutup akaunnya pada 30 Jun setiap tahun.

Pada 16.3.2022, surat perakuan diterima daripada MIDA berhubung dengan kelengkapan automasi iaitu jentera pengeluaran benang untuk memodenkan dan mengautomasikan industri tekstil ATSB. Jentera telah digunakan dalam industri tekstil pada 16.02.2022. ATSB telah memilih EMD di bawah P.U. (A) 252/2017 dan P.U.(A) 253/2017.

Berikut adalah senarai aset yang hendak dituntut sebagai EMD bawah KKCP P.U. (A) 268/2021.

Aset	Tarikh Dibeli
Mesin penggulangan benang	21.06.2021
Van pekerja	25.07.2021
Jentera pengeluaran benang	16.01.2022
Mesin pengimbas	31.12.2021
Perisian <i>Datacolor</i>	12.2.2022

Kategori aset yang layak untuk tuntutan EMD di bawah KKCP P.U. (A) 268/2021 adalah seperti berikut:

Aset	Tarikh Dibeli	Sama ada EMD layak dituntut	TT Tempoh tuntutan EMD
Mesin penggulangan benang	21.6.2021	Layak	2021 - 2022

Van pekerja ¹	25.07.2021	Tidak layak	
Jentera pengeluaran benang ²	16.01.2022	Tidak layak	
Mesin pengimbas	31.12.2021	Layak	2022 - 2023
Datacolor software ³	10.10.2021	Tidak layak	

¹**Nota:** Van pekerja merupakan kenderaan bermotor yang tidak layak tuntutan EMD di bawah KKCP ini.

²**Nota:** Jentera merupakan jentera automasi yang hendak dituntut sebagai EMD di bawah KKCP seperti disebut diperenggan 7.10.7.

³**Nota:** Aset merupakan pakej perisian yang tidak layak untuk tuntutan EMD di bawah KKCP ini. Sila rujuk kepada perenggan 7.10.3 dalam KU ini.

Bagi aset yang tidak layak menuntut EMD di bawah KKCP ini, syarikat boleh merujuk kepada perenggan 8 dalam KU ini, 'Langkah Menuntut Elaun Modal Dipercepatkan'.

7.11 Bas Persiaran – KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran)(Pindaan) 2022 [P.U. (A) 9/2022]

7.11.1 Pengendali pelancongan berlesen yang membeli bas persiaran baharu layak menuntut EMD melalui tiga perundangan subsidiari seperti berikut:

Perundangan Subsidiari	Kadar EMD	Tahun Taksiran
KKCP (Elaun Modal Dipercepatkan) (Bas) 2008 [P.U.(A) (356/2008)]	Elaun Permulaan=20% Elaun Tahunan=80%	2009 – 2011
KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) 2008	Elaun Permulaan=20%	2020 – 2021

[P.U.(A) (291/2021)]	Elaun Tahunan=40%	
KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) (Pindaan) 2022 [P.U.(A) (9/2022)]	Elaun Permulaan=20% Elaun Tahunan=40%	2022 – 2024

7.11.2 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022, tempoh pemberian EMD dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2024. Ini bermaksud, pengendali pelancongan berlesen layak menuntut EMD terhadap perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembelian bas persiaran yang dibuat dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu mulai tahun taksiran 2022 hingga 2024.

7.11.3 EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 40% untuk ET.

7.11.4 Dalam KKCP ini, seorang pengendali pelancongan berlesen mempunyai erti yang sama menurut seksyen 2 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482];

7.11.5 P.U. (A) 9/2022 terpakai kepada seorang pengendali pelancongan berlesen jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) Pengendali pelancongan berlesen itu hendaklah:
 - (i) bermastautin di Malaysia;
 - (ii) pemilik berdaftar pertama bas persiaran berkenaan;
 - (iii) seorang pemegang lesen kenderaan pelancongan yang dikeluarkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594].
- (b) Bas persiaran yang layak dibeli oleh pengendali pelancongan berlesen itu hendaklah:
 - (i) digunakan hanya untuk membawa pelancong menurut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;

- (ii) dipasang atau dibuat di Malaysia menurut Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 [L.N. 173/1959];
- (iii) bas baharu yang tidak termasuk suatu bas persiaran yang telah dibaik pulih; dan
- (iv) diperolehi dalam tempoh tahun taksiran 2020 hingga 2024.

7.11.6 Bagi pembelian sebuah bas persiaran secara sewa beli, pengendali pelancongan berlesen hendaklah dianggap sebagai pemilik bas persiaran itu dan ansuran yang dibayar dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran hendaklah diambil sebagai PML dalam pengiraan EMD.

7.11.7 Pengendali pelancongan berlesen tidak layak menuntut EMD jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pengendali pelancongan berlesen itu telah menuntut pembelian bas persiaran dengan galakan cukai seperti berikut:

- (a) elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327];
- (b) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP;
- (c) elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah 7B ACP;
- (d) elaun modal dipercepat di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP; atau
- (e) pengecualian cukai di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP.

Contoh 11

Ivory Travel Sdn Bhd (ITSB) merupakan sebuah syarikat pengendali pelancongan berlesen yang mematuhi semua syarat seperti yang dinyatakan di perenggan 7.11.5(a) dan (b) dalam KU ini. Pada 17.3.2022, ITSB telah membeli sebuah bas persiaran baharu berjumlah RM300,000 yang digunakan untuk tujuan operasi pelancongan syarikat. ITSB juga tidak menuntut sebarang galakan cukai seperti yang tersenarai di perenggan 7.11.7 dalam KU ini. ITSB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

ITSB layak menuntut EMD bagi PYL berjumlah RM300,000 untuk TT 2022 dengan pengiraan seperti berikut:

	RM	RM
Tahun taksiran 2022		
Perbelanjaan Modal yang Layak		300,000
Elaun permulaan (20% x RM300,000)	60,000	
Elaun tahunan (40% x RM300,000)	120,000	<u>180,000</u>
Perbelanjaan bakian		120,000
Tahun taksiran 2023		
Elaun tahunan (40%)		<u>120,000</u>
Perbelanjaan bakian		<u>Tiada</u>

8. Langkah Menuntut Elaun Modal Dipercepatkan

Langkah yang boleh diikuti bagi memudahkan pemahaman untuk menuntut EMD adalah seperti berikut:

- Kenal pasti kelayakan setiap aset tetap perniagaan dengan KKCP yang masih berkuat kuasa;
- Pilih kadar yang akan digunakan iaitu sama ada kadar biasa ataupun kadar yang ditetapkan dalam KKCP;
- Jika kadar yang dipilih mengikut KKCP, tentukan sama ada PYL mematuhi kaedah 'pemakaian' dan lain-lain kaedah yang terdapat dalam KKCP; dan
- Pilih kadar yang berkenaan bagi setiap aset.

Elaun modal setiap aset tetap boleh dituntut menggunakan kadar yang bersesuaian dalam suatu tahun taksiran. Kadar yang dipilih hendaklah digunakan ke atas aset tersebut sehingga PYL diserap sepenuhnya. Ini bermakna **setiap aset hanya layak kepada satu jenis kadar sahaja**.

Sekiranya syarikat mempunyai 10 jenis aset tetap perniagaan yang layak kepada tuntutan elaun modal, maka syarikat boleh membuat pilihan kadar yang berbeza-beza untuk 10 aset tersebut.

Contoh 12

Digital IT Sdn Bhd (akaun berakhir 30 Jun) merupakan syarikat perniagaan digital yang menjalankan aktiviti pendidikan seperti e-buku, tutor dalam talian, dan tutorial dalam talian. Syarikat telah membeli kelengkapan teknologi maklumat iaitu kabel dan penyambung pada 2.2.2020, komputer dan komponen pada 21.11.2021 dan Perisian Kitaboo (untuk mencipta e-Buku) pada 15 Disember 2021.

Syarikat ingin membuat tuntutan EMD untuk kelengkapan teknologi maklumat itu bagi tahun taksiran 2022 dan memohon penjelasan terhadap peruntukan KKCP berikut yang boleh digunapakai:

Bil.	Jenis Loji dan Jentera	KKCP P.U.(A) / Tahun	%	
			EP	ET
1.	Kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk pemasangan kelengkapan itu.	156/2018 Kuat kuasa TT 2017	20	20
2.	Jentera dan peralatan termasuk kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi Nota: PYL hendaklah dilakukan dalam tempoh mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.	268/2021 Kuat kuasa TT 2020	20	40

Langkah (a):

Syarikat telah mengenal pasti kelayakan kelengkapan teknologi maklumat itu dengan KKCP yang masih berkuat kuasa iaitu seperti tersebut dalam jadual di atas.

Langkah (b):

Bagi Perisian Kitaboo, kabel dan penyambung serta komputer dan komponen, syarikat memilih kadar EMD dalam KKCP yang boleh digunapakai.

Langkah (c):

Oleh kerana P.U.(A) 268/2021 hanya terpakai bagi PYL yang dilakukan bagi tempoh mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021, maka kabel dan penyambung yang dibeli pada 2.2.2020 tidak mematuhi kaedah 'pemakaian' ini. Walau bagaimanapun, kabel dan penyambung ini boleh menggunakan P.U.(A) 156/2018.

Manakala, komputer dan komponen yang dibeli pada 21.11.2021 boleh menggunakan P.U.(A) 268/2021. Perisian Kitaboo merupakan kategori aset yang tidak layak untuk tuntutan EMD di bawah KKCP P.U.(A) 268/2021 tetapi perisian ini layak menuntut EMD di bawah P.U.(A) 156/2018.

Langkah (d):

Oleh itu, kadar elaun modal yang boleh digunakan oleh syarikat untuk kelengkapan teknologi maklumat seperti berikut:

	EP (%)	ET (%)
Kabel dan penyambung - P.U.(A) 156/2018	20	20
Komputer dan komponen - P.U.(A) 268/2021	20	40
Perisian Kitaboo - P.U.(A) 156/2018	20	20

9. Tempoh Layak

- 9.1 Seseorang itu layak untuk menuntut EMD dengan kadar-kadar yang ditetapkan mengikut tempoh berkuat kuasa serta PYL hendaklah mematuhi kaedah 'pemakaian' seperti yang ditetapkan dalam KKCP yang berkenaan. Oleh itu, elaun modal tidak boleh dituntut sebelum atau selepas tempoh berkuat kuasa tersebut.

Contoh 13

Aron Electric Sdn Bhd (AES) adalah sebuah syarikat pembekal perkakasan dan perisian yang berurusan dalam berbagai produk jenama dalam bidang telekomunikasi, pengurusan proses dan penyelesaian peng storan. AES menutup akaunnya pada 31 Julai setiap tahun. AES membeli beberapa kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi (aset) seperti butiran berikut:

Butiran aset	Tarikh beli
Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD)	22.01.2022
Storan	30.12.2021
Kelengkapan kod bar	01.08.2020

AES ingin menuntut EMD di bawah P.U.(A) 268/2021 pada kadar 20% untuk EP dan 40% untuk ET untuk TT 2022.

AES layak menuntut EMD seperti yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 268/2021 bagi kedua-dua aset, kelengkapan kod bar dan storan pada TT 2021 dan 2022 masing-masing. Ini kerana, PYL bagi kedua-dua aset tersebut dilakukan dalam tempoh 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021 seperti yang ditetapkan dalam kaedah 'pemakaian' di bawah P.U.(A) 268/2021.

AES tidak layak menuntut EMD di bawah P.U.(A) 268/2021 bagi Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD), kerana PYL bagi aset tersebut tidak dilakukan dalam tempoh asas 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.

- 9.2 Aset yang dibeli sebelum seseorang memulakan perniagaan, layak untuk EMD apabila perniagaan mula beroperasi.

Contoh 14

Acacia Holidays Sdn Bhd (AHS) merupakan sebuah syarikat perniagaan pengendali pelancongan berlesen. AHS telah membeli 2 buah bas persiaran pada 15.5.2021 sebelum syarikat memulakan operasi perniagaan pada 15.6.2021. HSB menutup akaunnya pada 31 Mei setiap tahun.

AHS hanya layak menuntut EMD seperti yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 9/2022 pada TT 2022 iaitu apabila AHS telah memulakan operasi perniagaan.

- 9.3 Seseorang layak menuntut EMD apabila aset siap sedia untuk digunakan.

Contoh 15

Shine Ecology Sdn. Bhd (SESB) merupakan syarikat pengilangan yang memproses sisa-sisa makanan dan sisa tumbuh-tumbuhan menjadi baja organik. Baja organik yang dikeluarkan adalah baja jenis

penggalak buah-buahan dan bunga-bunga. SESB menutup akaunnya pada 30 September setiap tahun.

Pada 8.1.2021, SESB telah membeli rangkaian loji dan jentera bagi memproses sisa buangan tersebut untuk dijadikan baja organik. Loji dan jentera hanya mula dipasang dan siap sedia digunakan dalam perniagaan SESB pada 15.10.2021 (bagi tempoh asas 1.10.2021 – 30.9.2022).

SESB layak menuntut EMD seperti yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 505/2000 mulai tahun taksiran 2022.

10. Pelupusan Loji dan Jentera dalam Tempoh Dua Tahun

10.1 Apabila seseorang telah melakukan PYL terhadap aset dan aset tersebut dimiliki oleh orang itu untuk tempoh kurang dari dua tahun³, perenggan 71, Jadual 3 ACP terpakai [kecuali atas sebab kematian orang itu atau alasan-alasan yang diterima oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN)]. KPHDN boleh mengarah bahawa -

- (i) mana-mana elaun modal yang layak diberikan kepada orang itu, tidak dibenarkan; dan
- (ii) mana-mana elaun modal yang telah diberi ditarik balik dan kenaan imbalan dikenakan bagi tahun taksiran dalam tempoh asas aset itu dilupuskan.

³**Nota:** “Dua tahun” merujuk kepada dua tahun kalendar yang berasaskan kepada bilangan hari sebenar.

10.2 Kenaan imbalan terhad kepada elaun modal yang telah diberikan dalam tahun taksiran dalam tempoh asas sebelum loji atau jentera dilupuskan.

10.3 Elaun modal tidak akan ditarik balik jika pelupusan sesuatu aset itu dilakukan dengan tujuan komersial yang sah (*bona fide*). Sebagai contoh, pelupusan adalah disebabkan oleh kerosakan kepada aset, tidak sesuai untuk digunakan atau tidak lagi diperlukan dalam perniagaan. Kenaan imbalan atau elaun imbalan perlu dikenakan ke atas pelupus itu.

10.4 Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada perenggan 8.3, ‘Pelupusan aset yang dimiliki kurang dari dua tahun’ dalam KU No. 7/2017 bertajuk “Pelupusan Loji Atau Jentera Bahagian I – Selain Jualan Terkawal”.

Contoh 16

Protective Worldwide Sdn Bhd (PWS) menjalankan perniagaan pembuatan sarung tangan getah dan akaunnya ditutup pada 30 September setiap tahun. Pada 10.10.2020, sebuah jentera pembuatan sarung tangan getah telah dibeli dengan harga RM100,000 untuk kegunaan perniagaannya. Jentera itu telah dilupuskan pada 22.02.2022 dengan harga RM80,000 kerana permintaan terhadap sarung tangan getah terus meningkat. Sebuah jentera baharu telah dibeli bagi meningkatkan pengeluaran supaya permintaan sarung tangan getah dapat dipenuhi.

Pengiraan EMD mengikut kadar seperti yang diperuntukkan di bawah P.U.(A) 268/2021 adalah seperti berikut:

	RM	RM
Kos jentera pembuatan sarung tangan getah		100,000
Tahun Taksiran 2021 (1.10.2020– 30.09.2021)		
Tolak:		
EP (20% X 100,000)	20,000	
ET (40% X 100,000)	<u>40,000</u>	<u>60,000</u>
Perbelanjaan bakian		40,000
Tahun Taksiran 2022 (1.10.2021– 30.09.2022)		
Tolak:		
Harga pelupusan		<u>80,000</u>
Kenaan imbalan		<u>40,000</u>

KPHDN menganggap pelupusan jentera tersebut sebagai pelupusan *bona fide*. Maka perenggan 71, Jadual 3 ACP tidak terpakai dan EMD yang telah dibenarkan dalam tahun taksiran 2021 tidak perlu ditarik balik.

11. Ketidakkpakaian

- 11.1 Peruntukan “Kaedah Ketidakkpakaian” dalam setiap KKCP bagi EMD adalah untuk mengelakkan seseorang menuntut EMD jika dalam tahun taksiran yang sama orang itu turut menikmati galakan lain seperti yang dinyatakan dalam KKCP. Peruntukan ini menerangkan bahawa galakan cukai yang diberikan oleh Kerajaan kepada seseorang itu adalah saling eksklusif kepada EMD.
- 11.2 Galakan-galakan lain adalah seperti berikut:
- (a) Elaun cukai pelaburan di bawah APP;
 - (b) EPS di bawah Jadual 7A ACP;
 - (c) Elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B ACP;
 - (d) Pengecualian cukai di bawah perenggan 127(3)(b) ACP yang diberikan oleh Menteri melalui pewartaan perintah;
 - (e) Pengecualian cukai di bawah subseksyen 127(3A) ACP yang diberikan oleh Menteri secara khusus; atau
 - (f) EMD dengan kadar elaun yang lebih tinggi di bawah ACP atau mana-mana KKCP lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP.
- 11.3 Jika seseorang itu telah diberikan galakan seperti disenaraikan di perenggan 11.2 dalam KU ini atau lain-lain galakan yang disenaraikan dalam Kaedah ‘Ketidakkpakaian’ dalam KKCP dan pada masa yang sama telah menuntut EMD, maka galakan cukai yang diberikan akan dikekalkan. EMD yang telah dituntut akan ditarik balik dan elaun modal pada kadar biasa seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 3 ACP atau kadar elaun modal dalam KKCP (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) 2000 [P.U.(A) 52/2000] akan dibenarkan. Ini kerana galakan tersebut dan EMD adalah saling eksklusif.

Contoh 17

Abraham Travel & Tours (ATT) Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengendali pelancongan berlesen yang mematuhi syarat kelayakan tuntutan EMD seperti disebut diperenggan 7.11.5 dalam KU ini. ATT telah diberikan pengecualian cukai di bawah subseksyen 127(3A) ACP sehingga tahun 2023.

Pada 15.05.2022, ATT telah membeli sebuah bas persiaran baharu berjumlah RM150,000 yang digunakan secara eksklusif untuk pengangkutan pelancong. ATT telah menuntut EMD terhadap bas yang

dibeli pada TT 2022 di bawah KKCP [P.U. (A) 9/2022]. Tempoh kewangan syarikat berakhir pada 31 Ogos.

Kaedah “Ketidapkakaian” dalam KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) 2021 [P.U.(A) 291/2021] yang di baca bersama KKCP (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) (Pindaan) 2022 [P.U.(A) 9/2022] adalah dirujuk.

Galakan cukai yang diberikan akan dikekalkan dan EMD yang telah dituntut akan ditarik balik dan elaun modal pada kadar biasa seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 3 ACP atau kadar elaun modal dalam KKCP (Elaun Tahunan Loji Yang Layak) 2000 [P.U.(A) 52/2000] akan dibenarkan. Ini kerana galakan tersebut dan EMD adalah saling eksklusif.

12. Prosedur Tuntutan

Tuntutan EMD hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan. Semua dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh orang yang menuntut bagi tujuan pengesahan apabila audit dijalankan oleh LHDNM.

13. Ringkasan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan dan Kadar Elaun Modal Dipercepat bagi Loji dan Jentera

Bil.	Jenis Loji dan Jentera	KKCP P.U.(A) / Tahun	Tempoh Kuat kuasa / Mulai	%	
				EP	ET
1.	Bas menggunakan gas asli dan peralatan pengisian semula gas asli	265/1997	1. 1.1997	40	20
2.	Mesin atau loji yang digunakan dalam industri – (i) Bangunan dan Pembinaan; (ii) Pembalakan; dan (iii) Perlombongan timah.	294/1998	T/T 1998	30 60 60	20/14 20/14 20/14
3.	Kelengkapan Kawalan	295/1998	T/T 1996 (disifatkan)	40	20
4.	Loji atau jentera untuk kitaran semula sisa buangan atau	505/2000	T/T 2001	40	20

Bil.	Jenis Loji dan Jentera	KKCP P.U.(A) / Tahun	Tempoh Kuat kuasa / Mulai	%	
				EP	ET
	pemprosesan lanjut sisa buangan kepada keluaran siap.				
5.	Loji atau jentera untuk projek yang layak bagi aktiviti digalakkan atau sesuatu keluaran digalakkan atau suatu projek pertanian.	506/2000	T/T 2001	40	20
6.	Peralatan yang diperakui oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia sebagai peralatan yang digunakan dalam perniagaanya sendiri untuk mengawal kualiti kuasa elektrik.	87/2005	T/T 2005	20	40
7.	Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri.	249/2006	T/T 2006	40	20
8.	Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.	156/2018	T/T 2017	20	20
9.	Kelengkapan Automasi (Pindaan)	173/2020 dan 252/2017	TT 2015 – TT 2023	20	80
10.	Jentera dan Peralatan termasuk Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. PYL dilakukan mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.	268/2021	2020	20	40
11.	Bas Persiaran (Pindaan)	9/2022	2022	20	40

14. Kemas kini dan Pindaan

Kandungan KU No. 7/2018 bertajuk “Elaun Modal Dipercepatkan” yang bertarikh 8 Oktober 2018 telah dikemas kini dan disusun semula dalam KU edisi ketiga ini dengan pindaan seperti berikut :

Perenggan KU dalam edisi ketiga	Penerangan
2.3	Perenggan baharu 2.3 dimasukkan.
5	Perenggan ini dipinda dan dikemas kini.
6.3	Perenggan baharu 6.3 dimasukkan.
7.6	‘Contoh 6’ dikemas kini agar selari dengan tahun semasa pada masa KU ini dibuat.
7.7	Kandungan perenggan 7.7 terdahulu dinomborkan semula sebagai perenggan 7.9 dalam KU ini. Kandungan baharu dimasukkan dalam perenggan 7.7.
7.8, 7.9, 7.10 dan 7.11	Perenggan baharu dengan tajuk baharu dimasukkan.
7.9	Perenggan 7.7 terdahulu dinomborkan semula sebagai perenggan 7.9. Kandungan perenggan 7.9 ini disusun semula.
8.	Perenggan 8 terdahulu dikemas kini dengan Contoh 7 dinomborkan semula sebagai Contoh 12 yang baharu.
9.	Perenggan 9 terdahulu dikemas kini dengan Contoh 8 dan 9 dinomborkan semula sebagai Contoh 13 dan 14 yang baharu masing-masing. Contoh 10 terdahulu dinomborkan semula sebagai Contoh 15 yang dikemas kini agar selari dengan tahun semasa pada masa KU ini dibuat.
10.	Perenggan 10 terdahulu dikemas kini dengan Contoh 11 dinomborkan semula sebagai Contoh 16 yang baharu.
11.	Perenggan 11 terdahulu dipinda dan dikemas kini dengan subperenggan 11.4 dinomborkan semula sebagai subperenggan 11.3. Subperenggan 11.3 terdahulu dikeluarkan. Contoh 12 terdahulu dinomborkan semula

Perenggan KU dalam edisi ketiga	Penerangan
	sebagai Contoh 17 yang baharu.
13.	Perenggan 13 terdahulu dipinda dan dikemas kini dengan memasukkan Bil. 7, 8, 9, 10 dan 11 yang baharu dalam Jadual. Kandungan Bil. 7 terdahulu dikeluarkan.

15. Penolakan Tuntutan

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**